

Hati - Akal - Tindakan

SENI MEMIMPIN

*“Untuk memimpin,
aku telah pilih cara hidup yang paling sukar”*



Master Shino

Mejar Hasrul Taufek bin Roslan TUDM (Bersara)



SENI MEMIMPIN: HATI, AKAL, DAN TINDAKAN

12/1/2026
TDM
Gift

SENI MEMIMPIN

HATI, AKAL, DAN TINDAKAN

Karya:

Mejar Hasrul Taufek bin Roslan TUDM (Bersara)

-Master Shiro-

Penyunting dan Reka Grafik:

Mohd Firdaus Bin Rabbun

Sarjana Muda Bahasa Melayu Kontemporari dengan Media Interaktif (Kepujian)
Pelajar Latihan Industri Unisza Di *MSG A Sdn Bhd*

Diterbitkan oleh:

MSG A SDN BHD



ISI KANDUNGAN

Bibliografi.....	4
Prakata.....	5
Kata Pengantar.....	7
Penghargaan.....	11
Biodata Penulis.....	15
Pengenalan.....	19
Bab 1: Kepimpinan Nabi Muhammad SAW Sebagai Rujukan.....	21
Bab 2: Membesar Dalam Keluarga Yang Berpisah.....	29
Bab 3: Kepimpinan Bermula Daripada Diri.....	33
Bab 4: Kepimpinan Dalam Perniagaan dan Jaringan...37	
Bab 5: Kepimpinan Ketenteraan: Pembentukan Disiplin dan Kepimpinan yang Teguh.....	43
Bab 6: Strategi Kepimpinan Yang Berkesan.....	57
Bab 7: Kepimpinan Untuk Masa Depan...61	
Bab 8: Kepimpinan Steve Jobs: Berani, Fokus dan Inovatif	65
Rujukan.....	72
Indeks.....	73

BIBLIOGRAFI

Terbitan pertama: 2024


Buku ini adalah hak cipta Mejar Hasrul Taufek bin Roslan TUDM (Bersara) - Master Shiro

Penerbit: MSGA Sdn Bhd, No.29-3-15, The Core, Jalan Teknologi 3/6E, Taman Sains Teknologi 1, Kota Damansara, 47810, Petaling Jaya, Selangor.

Hak Cipta Terpelihara

Mana-mana kandungan buku ini tidak boleh dihasilkan semula, dicetak untuk apa saja tujuan atau dipindahkan dalam sebarang bentuk secara elektronik, salinan foto, rakaman, dan sebagainya sebelum mendapat keizinan bertulis daripada penulis. Karya ini adalah hasil pengalaman dan kepakaran penulis dan mungkin tidak sesuai untuk sebahagian pembaca.

ISBN:



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-967-19557-9-6

PRAKATA

Bismillahirrahmanirrahim.

Buku *Seni Memimpin* ini lahir daripada perjalanan panjang saya sebagai seorang pemimpin, yang pernah berkhidmat dalam angkatan tentera selama 16 tahun, memimpin dalam situasi penuh disiplin, tekanan, dan pengorbanan. Dari medan latihan ke medan tugas, dari peluh ke zon perang di Selatan Lubnan, saya belajar bahawa kepimpinan bukan sekadar memberi arahan, tetapi tentang menjadi contoh, memberi harapan, dan membentuk kepercayaan.

Selepas meninggalkan uniform, saya meneruskan perjuangan di medan keusahawanan, pendidikan, dan komuniti. Saya mengetuai pelbagai inisiatif, daripada membina empayar perniagaan kecil, melatih ejen dan pemilik bisnes, sehingga menubuhkan platform pembelajaran dan jaringan berskala antarabangsa. Setiap langkah membawa cabaran yang berbeza, tetapi prinsip kepimpinan tetap sama iaitu kasih, ihsan, keberanian, dan integriti.

Buku ini bukan teori. Ia adalah hasil jatuh bangun saya sendiri. Ia adalah seni, kerana kepimpinan memerlukan sentuhan jiwa. Saya tulis bukan untuk mengajar, tetapi untuk berkongsi. Saya percaya setiap insan adalah pemimpin, sekurang-kurangnya kepada dirinya sendiri.

Semoga coretan ini memberi manfaat kepada anda, sama ada anda seorang guru, usahawan, ketua keluarga, atau anak muda yang sedang mencari arah. Jika ada satu harapan saya, biarlah buku ini menyalakan satu semangat baru dalam diri anda untuk memimpin dengan hati, bukan hanya dengan kuasa.

Saya tujukan buku ini khusus buat pemimpin muda yang sedang mencari panduan, pegawai tentera muda yang sedang membentuk identiti kepimpinan mereka, dan usahawan yang sedang memimpin pasukan serta impian mereka sendiri. Saya doakan ia menjadi kompas yang membantu anda membuat keputusan dengan yakin, memimpin dengan hati, dan membina legasi yang bermakna.



MEJAR HASRUL TAUFEEK BIN ROSLAN TUDM (BERSARA)

- MASTER SHIRO-

Group Chairman, MSGA Sdn Bhd

Veteran Tentera | Usahawan | Aktivis Komuniti

KATA PENGANTAR



Saya mengenali Master Shiro bukan sekadar sebagai seorang pemimpin, tetapi sebagai insan yang menjadikan

kepemimpinan sebagai satu seni kehidupan. Dalam dunia yang sering mengagungkan jawatan dan pangkat, beliau hadir dengan pendekatan yang berbeza, memimpin dengan hati, mendengar dengan jiwa, dan bertindak dengan prinsip. Saya melihat sendiri bagaimana beliau membina pasukan, menyuntik semangat dalam kalangan mereka yang hilang arah, dan memberi peluang kedua kepada ramai yang dipinggirkan. Keupayaannya untuk mengangkat potensi manusia adalah sesuatu yang luar biasa. Daripada latar belakang ketenteraan yang penuh disiplin, beliau membawa nilai ketegasan yang seimbang dengan belas ihsan. Dalam bidang



keusahawanan dan pendidikan pula, beliau mencorakkan satu pendekatan kepimpinan yang inklusif dan membumi. Buku *Seni*

Memimpin ini adalah refleksi jujur daripada perjalanan yang beliau sendiri lalui bukan sekadar teori di atas kertas, tetapi pengalaman yang dirasakan, diuji, dan dibentuk oleh realiti. Saya percaya buku ini akan menjadi sumber inspirasi kepada semua yang ingin memahami makna sebenar memimpin, bukan hanya untuk berjaya, tetapi untuk memberi makna kepada kehidupan orang lain. Tahniah kepada Master Shiro di atas sumbangan berharga ini. Semoga ia terus menyinari jalan kepimpinan generasi akan datang.



MOHD SHAHPIZAN BIN MUSTAPHA - TJJEY
CEO, MSGA Sdn Bhd

KATA PENGANTAR

Buku Seni Memimpin: Hati, Akal, Tindakan ini lahir bukan semata-mata daripada teori kepimpinan yang ditinta di atas kertas, tetapi daripada pahit-manis pengalaman yang dilalui, tangisan kegagalan yang dihadap, serta kebangkitan pancaroba yang dibina dengan penuh kesedaran dan kejujuran. Ia adalah karya yang mendalam, penuh keikhlasan, dan dirangka dengan niat untuk mencetus perubahan, bukan hanya dalam organisasi, tetapi dalam diri setiap insan yang bergelar pemimpin, tidak kira pangkat atau kedudukan.

Master Shiro bukan sekadar menulis, beliau menanam benih kesedaran dalam jiwa pembaca. Tiga komponen utama – **hati, akal, dan tindakan** – diangkat sebagai teras kepimpinan yang sejati. Hati membentuk niat dan empati, akal membina strategi dan pertimbangan serta tindakan menjadi bukti nilai dan prinsip yang diyakini. Tanpa keseimbangan ketiga-tiganya, kepimpinan akan pincang lalu lahir amir yang dingin tanpa jiwa, atau penuh ruh tetapi tanpa arah.

Buku ini bukan untuk dibaca sepintas lalu. Ia untuk direnung, dihayati, dan diamalkan. Setiap lembaran mengajak pembaca bertanya semula kepada diri: “Siapa aku ketika tiada yang melihat? dan bagaimana aku memimpin ketika ujian datang tanpa amaran?” Inilah refleksi yang sebenar kerana kepimpinan

bermula dalam bayangan hambar kesenyapan, dalam perjuangan batin yang tidak terlihat oleh dunia namun hanya cakrawala yang berdiri menyaksikan perjuangan insan yang bergelar “Master Shiro” ini dari saat kelam hingga timbulnya mentari kebangkitan sehingga dapat menginjakkan kaki pada awana kejayaan yang penuh nirmala.

Tahniah kepada Jurulatih WBL saya, Master Shiro atas pelancaran buku ini. Sesungguhnya, buku Seni Memimpin: Hati, Akal, Tindakan ini ialah teman perjalanan yang tidak akan menghampakan. Bukan kerana ia memberi jawapan yang mampu melikwidasikan kepada semua benteng kebejatan pemikiran, tetapi kerana ia mampu membangkitkan soalan-soalan yang tepat untuk kita tanyakan kepada diri sendiri demi anjakan paradigma yang lebih unggul daripada berfikir secara pandangan sarwa kepada sebuah idea yang mampu untuk memanifestasikan bibit perspektif yang cemerlang mengikut landasan pemikiran mahmudah.



MOHD FIRDAUS BIN RABBUN

PELAJAR LATIHAN INDUSTRI UniSZA di *MSG A Sdn Bhd*

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah SWT yang telah mengurniakan saya kekuatan, ilham dan ketabahan sepanjang perjalanan hidup dan kepimpinan ini.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada keluarga tercinta yang sentiasa menjadi tulang belakang saya diatas doa, sokongan dan kasih sayang yang tidak pernah putus.


Terima kasih kepada semua mentor, rakan seperjuangan dan anak buah yang pernah saya pimpin sama ada di dalam medan ketenteraan, dunia perniagaan dan pelbagai program pembangunan komuniti. Anda semua telah memberi saya ruang untuk belajar, berkembang dan memperbaiki diri sebagai pemimpin.

Kepada para pegawai muda, usahawan dan generasi pelapis yang saya temui sepanjang perjalanan ini, inspirasi kalian jugalah yang mendorong saya untuk menulis buku ini. Semoga segala ilmu dan pengalaman yang dikongsikan dapat memberi manfaat dan kekal sebagai legasi bersama.

Akhir sekali, kepada pasukan yang membantu merealisasikan penerbitan buku ini, daripada penyelidikan, penulisan, penyuntingan hingga ke reka bentuk dan pemasaran, saya ucapkan jutaan terima kasih atas komitmen dan kepercayaan anda terhadap usaha ini.

Semoga buku ini menjadi titik permulaan kepada lebih ramai pemimpin yang memimpin dengan kasih, keberanian, dan integriti.

Master Shiro





Untuk keluarga tercinta, telah gugur airmata saat buku ini ditulis. Kadang-kadang aku tak mampu untuk menghabiskan tulisan ini namun kugagahi juga kerana aku takut nyawa kedua ini tidak akan ada lagi selepas ini. Sesungguhnya tiada dukungan yang kuat melainkan kamu sekeluarga yang ada sewaktu aku jatuh ditinggalkan dunia yang penuh penipuan. Mak, terima kasih kerana berjaya mencipta jati diri dalam diri anak-anak. Isteri yang percaya dalam apa jua aku lakukan.




Anak-anak, Adam dan Arif walaupun tidak bersama papa, namun doa papa tidak pernah putus sepanjang nafas dan jantung berdegup. Jadilah pemimpin yang bijak, adil, penuh kasih kepada pengikut. Segala yang jadi adalah susunan Allah yang ada kebaikan. Malika, puteri ayah. Jadilah pemimpin wanita sehebat Kawla Al-Azwar yang memimpin dengan jiwa kuat dan berpegang keyakinan kepada Allah SWT.





Kepada sahabat-sahabat yang masih teguh berdiri dan kekal bersama susah dan senang dalam MSGA, Tjey, Dr. Ayu, Nurul Ashidah, Wan Shekha, dan Sam, terima kasih. Ketegasan aku bukan untuk menjatuhkan tetapi telan terasa pahit, dikunyah rasa masam, diluahkan boleh melukakan. Namun, aku terpaksa.

Sesungguhnya, aku sudah menulis semampu yang boleh. Dialirkan ilham daripada Allah, bertumpangkan jari-jemari, diperlihatkan daripada sepasang mata yang sudah rabun, bertemankan keyakinan, maka aku berharap naskah ini menjadi saksi amalan yang baik aku tinggalkan untuk kalian. Duduk, rehat, hirup secawan kopi, dan bacalah buku ini. Untuk memimpin, aku telah pilih cara hidup yang sukar.



*Master Shiro- 11 April 2025/12
Syawal 1446H*

BIODATA PENULIS



Mejar Hasrul Taufek bin Roslan TUDM (Bersara) atau lebih mesra dengan panggilan Master Shiro adalah seorang pemimpin berpengaruh yang menggabungkan pengalaman dalam ketenteraan, keusahawanan, dan

pendidikan. Setelah berkhidmat selama 16 tahun dalam Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di bawah Kepakaran Cawangan

Tadbir, beliau mengkhusus dalam pengurusan, pentadbiran, keselamatan, protokol, perisikan, dan disiplin. Sepanjang perkhidmatannya, beliau



telah dianugerahkan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang sebanyak dua kali (2010 & 2015) daripada Kementerian Pertahanan Malaysia. Beliau juga berkhidmat sebagai Pegawai Risik MALBATT 850-3 di bawah panji-panji PBB di Lubnan (2015–2016), menyumbang dalam operasi keselamatan dan pelaksanaan program diplomatik kebudayaan Malaysia. Selain itu, beliau turut memainkan peranan penting dalam penubuhan Sekolah Kulinari dan Hospitaliti TUDM. Setelah bersara lebih


awal akibat masalah kesihatan *cervical dystonia*, beliau beralih kepada dunia keusahawanan dan penulisan. Sebagai Group Chairman MSGA Sdn Bhd, beliau telah melatih lebih 5,000 penulis ebook dari 20 buah negara dan membangunkan model keusahawanan digital yang menggabungkan website, affiliate, dan pemasaran jaringan. Beliau juga aktif dalam pembangunan pendidikan digital dan memberi ceramah motivasi di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) seluruh negara.

Pingat Sepanjang Perkhidmatan Tentera:

- Pingat Negara Bangsa-Bangsa Bersatu - PNBB (Lebanon)
- Pingat Perkhidmatan Setia - PPS
- Pingat Perkhidmatan Awam - PPA

Kelulusan Akademik:

- Executive Master in Technology Management dari UNIMAS
- Diploma in Foodservice Management dari UiTM
- SKM 3 Sokongan Perkhidmatan Penerbitan
- SKM 3 Penyeliaan Operasi Makanan dan Minuman
- Professional Certificate in MSGA Training Methods dari Spectrum University



- Professional Certificate in MSGA Ebook Entrepreneurship dari Spectrum University

Selain itu, beliau aktif dalam kerja-kerja sukarela dan kemasyarakatan, termasuk membimbing unit beruniform di sekolah, melatih ikhtiar hidup pelajar, serta aktif dalam seni silat dan kebudayaan.

Beliau telah menerima pelbagai pengiktirafan, termasuk:

- Ikon Majalah Tunas Cipta (DBP, Okt 2023)
- Panel jemputan, rancangan “Darah Muda”, Bernama TV (Jun 2024)
- Tetamu jemputan, podcast Fattah Amin & Friends (Merdeka ke-67)
- Anugerah ASEAN Visionary



Entrepreneur 2023, Indonesia Magazine

- Elite Fellow Universiti Malaya (2024)
- Gratitude Award - Business Networking Club 2019 & 2025.

● Diiktiraf oleh universiti-universiti di Malaysia dan Indonesia atas sumbangannya dalam pembangunan

platform penerbitan digital dalam pendidikan.

Jawatan NGO Terkini:

- Pengerusi - Pertubuhan Silat Seni Jati Warisan Selangor
- Setiausaha - Pertubuhan Akademi Fitrah Malaysia
- Setiausaha - Persatuan Nurharmoni Selangor
- Pengerusi - Kelab Penulis Muda Malaysia
- Pengerusi - Kelab Usahawan Ebook Malaysia
- Setiausaha Agung - Pertubuhan Aspirasi Bahasa Melayu Malaysia.



Saya menerima selempang dan memegang amanah daripada Guru Tua Perguruan. Al-Fatihah untuk Allahyarham Dr. Mohd Azmi.

SENI MEMIMPIN: HATI, AKAL, DAN TINDAKAN

Pengenalan

Kepimpinan bukan hanya tentang memberi arahan, tetapi tentang **memberi inspirasi, membimbing, dan mencipta perubahan**. Dalam buku ini, saya akan berkongsi pengalaman, prinsip, dan strategi kepemimpinan yang saya pelajari sepanjang perjalanan saya dalam dunia perniagaan dan pembangunan jaringan.

Kepimpinan boleh datang dalam pelbagai bentuk—ada yang lahir sebagai pemimpin semula jadi, tetapi kebanyakan kita



membentuk kemahiran kepemimpinan melalui pengalaman. Setiap keputusan yang kita buat, setiap tindakan yang kita ambil, dan setiap interaksi dengan orang lain membentuk kita sebagai seorang pemimpin.

Dalam dunia perniagaan, kepemimpinan adalah kunci untuk kejayaan. Ia menentukan bagaimana kita mengurus pasukan, menyelesaikan masalah, dan mencipta impak dalam industri yang kita ceburi. Saya menulis buku ini kerana saya percaya

bahawa kepemimpinan boleh dipelajari, dan setiap individu mempunyai potensi untuk menjadi pemimpin yang hebat jika mereka mempunyai panduan yang betul.



SENI MEMIMPIN

Hati - Akal - Tindakan

Seni Memimpin - ditulis sebagai panduan praktikal dan refleksi buat generasi pemimpin muda sama ada anda seorang guru yang membentuk jiwa, pegawai muda yang baru melangkah dalam organisasi atau ahli akademik yang ingin memimpin perubahan.

Melalui pendekatan yang santai dan penuh makna, buku ini menghimpunkan prinsip dan pengalaman sebenar tentang bagaimana memimpin dengan kasih, keberanian dan integriti. Ia bukan hanya tentang strategi, tetapi tentang menjadi insan yang dihormati dan dipercayai.

Jika anda ingin memimpin dengan nilai, membina pasukan yang kuat, dan mencipta impak sebenar
- buku ini ditulis untuk anda.

SENI MEMIMPIN HATI-AKAL-TINDAKAN

ISBN 978-967-19557-9-6



9 789671 955796

MSG A SDN BHD
RM35.00